

Krisis adat: Aduan dibuat kepada polis

31.387

Oleh BUSTAMAM AHMAD

SEREMBAN, Isnin — Baka Yam Tuan Raja Ali Rembau-Tampin membuat aduan polis terhadap kenyataan pengamal-pengamal adat di Luak Tampin.

Jurucakap mereka, Raja Mohd Yusof Raja Othman, berkata beliau sendiri membuat aduan itu di Ibu Pejabat Kontinjen Polis Negeri di sini, pada 23 Mac lalu.

Beliau menggariskan dua sebab utama mereka berbuat demikian, iaitu:

- Kenyataan pengamal-pengamal adat berkenaan dianggap sebagai satu 'ancaman' kepada pihaknya.

- Pengamal-pengamal adat itu tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kenyataan yang mereka buat kerana mereka tidak memperkenankan siapa diri mereka sebenarnya.

Raja Mohd Yusof sekali lagi mengulang kesediaannya berdialog dengan pengamal-pengamal adat di Luak Tampin bagi menjelaskan kedudukan sebenar berhubung soal tuntutan mereka untuk mendapatkan semula hak kebesaran memerintah sebagai Raja di luak itu.

Beliau berharap dapat mengemukakan bukti-bukti sahih bagi mengesahkan tuntutan mereka menerusi dialog itu.

"Oleh kerana tuntutan ini membabitkan Luak Tampin, maka kami berha-

rap ia dapat dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Tampin," katanya dalam kenyataan kepada *Berita Harian* di sini.

Serentak itu, beliau mengulangi bahawa bukti-bukti yang dianggap sahih oleh pihaknya bukannya catatan sejarah semata-mata, tetapi adalah di dalam bentuk surat-surat asal pelbagai perjanjian.

Antaranya termasuk surat perjanjian kemerdekaan Rembau bertarikh 20 Januari 1832 dan perjanjian sempo dan Tampin/Rembau-Melaka bertarikh 9 Januari 1833, tambahnya.

Raja Mohd Yusof berkata, pihaknya tidak menafikan hak pengamal-pengamal adat berkenaan membuat ulaaan mengenai perjalanan adat kerana kewujudan Yam Tuan Raja Ali adalah di atas restu Adat Perpatih sendiri.

Menurutnya, asas itu jugalah yang mendorong pihaknya membuat tuntutan supaya hak kuasa dan kedaulatan untuk memerintah sebagai Raja di Luak Tampin dikembalikan kepada mereka kerana ia telah dicabul oleh penjajah Inggeris yang menyerahkan hak itu kepada keturunan Syed Shaaban.